



suara cakna komuniti anda

Sinar

harian

SELASA 07 OKTOBER 2008

7 SYAWAL 1429 BIL: 758 PP1120

Zazen Health, GPF jayakan 'Power of 10 Cent'



Yasotha (dua dari kiri) dan Zaleha Ismail (tiga dari kiri) pada majlis pelancaran kempen Power of 10 Cent di Petaling Jaya, baru-baru ini.

SYARIKAT pengeluar barangan kesihatan, Zazen Health Solutions (Zazen Health) menayakan kempen 'Power of 10 Cent' anjuran Global Peace Festival (GPF) sempena Hari Membasmi Kemiskinan Antarabangsa 17 Oktober ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Zazen Health, Yasotha Krishna berkata, penyertaan syarikat dalam kempen tersebut kerana Zazen Health yang mengamalkan prinsip 'Kejayaan anda adalah kejayaan bagi kemanusiaan keseluruhan'.

"Dengan komitmen di atas kesedaran ini, kami membina perniagaan dan menerokainya secara berterusan sebagai sumbangan kemanusiaan.

"Ia merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat kami dalam menyumbang dalam aspek kemanusiaan khususnya," katanya pada majlis pelancaran kempen tersebut di Petaling Jaya, baru-baru ini.

Zazen Health menyediakan kotak duit syiling 'Power of 10 Cent' di semua 40 cawangannya di seluruh negara.

Kemudahan itu membolehkan pelanggan, rakan-

rakan niaga dan pelawat memberikan sumbangan bagi mencapai matlamat kempen tersebut.

Selain itu, Zazen Health menjadi antara saluran rasmi orang ramai mendapatkan tiket perayaan GPF yang turut disertai syarikat perniagaan bersekutu dan rakan niaga.

Sempena perayaan GPF, kempen 'Power of 10 Cent' merupakan projek yang menggalakkan semua golongan terutama kanak-kanak membantu mengurangkan kemiskinan tanpa mengira kaum dan agama.

Kempen 'Power of 10 Cent' kini berlangsung hingga 19 Oktober ini di mana duit syiling yang bernilai 10 sen akan dikumpulkan secara keseluruhannya semasa GPF dari 17 Oktober hingga 19 Oktober di Stadium Putra, Bukit Jalil.

Hasil kutipan yang diperoleh akan diserahkan kepada Dana Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) Malaysia dan Yayasan Bantuan Sahabat Antarabangsa (IRFF).

Majlis pelancaran turut dihadiri Pengerusi Global Peace Festival (GPF), Tan Sri Zaleha Ismail.